



Rombakan Kabinet: Perubahan teraju kepimpinan ehwal masyarakat Islam juga?

— Muka 4

Semangat Ramadan sudah mula terasa...

— Muka 7



MENJELANG PILIHAN RAYA UMUM MALAYSIA

Parti Warisan dijangka beri saingan sengit kepada Umno

— Muka 8

► **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

MEREKA bimbang tentang masa depan anak mereka yang berkeperluan khas, terutama sekali selepas mereka meninggal dunia.

Dengan kesedaran ini, tidak hairanlah jika terdapat trend lebih ramai ibu bapa menubuhkan tabung amanah demi memastikan masa depan anak mereka itu terjamin, khususnya dari segi kewangan.

Namun, jumlah keluarga Muslim yang menubuhkan tabung amanah bagi anggota keluarga mereka masih kecil.

Sehingga bulan lalu, hanya sembilan daripada 539 tabung amanah yang berdaftar dengan Syarikat Amanah Keperluan Khas (SNTC) – satu-satunya syarikat amanah tanpa untung di Singapura yang memiliki status pertubuhan amal – ditubuhkan oleh keluarga Muslim.

Tabung amanah itu membolehkan ibu bapa dan waris menyetorkan wang bagi kegunaan anggota keluarga berkeperluan khas, selepas mereka meninggal dunia.

Namun, Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) baru-baru ini mengumumkan bahawa mereka akan memperuntukkan \$1 juta bagi menggalak keluarga Muslim berpendapatan rendah dan pertengahan menubuhkan tabung amanah dengan SNTC untuk anggota keluarga mereka yang berkeperluan khas.

Manfaat tabung amanah demi masa depan anak keperluan khas

Jumlah keluarga Muslim yang tubuhkan tabung amanah bagi anggota keluarga mereka masih rendah

Keluarga yang layak akan menerima dana permulaan sebanyak \$5,000 bagi menubuhkan tabung amanah itu. Dana permulaan minimum yang dituntut SNTC ialah \$5,000.

SNTC turut disokong Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) dan bekerjasama dengan Pejabat Amanah Awam (PTO) yang menguruskan serta melabur dana amanah itu.

Pengurus Besar SNTC, Cik Esther Tan, memberitahu *Berita Minggu* (BM) bahawa beliau yakin daya usaha itu akan membantu keluarga Muslim setempat yang kesempitan wang dengan dana permulaan untuk menubuhkan tabung amanah bagi menyediakan keperluan penjagaan tanggungan mereka pada masa akan datang.

“Dengan infrastruktur amanah ini, penjaga mereka boleh menyiapkan nominasi

CPF, insurans dan wasiat mereka agar duitnya dapat disalurkan kepada tabung amanah tersebut selepas mereka meninggal dunia,” kata Cik Tan.

Tambahnya, SNTC juga akan bekerjasama dengan Muis antara lain bagi meningkatkan kesedaran tentang khidmatnya di kalangan masyarakat Muslim setempat.

Menurut Cik Tan, terdapat beberapa sebab tidak ramai keluarga Muslim yang tampil menubuhkan tabung amanah.

Ini termasuk kekurangan kesedaran atau pengetahuan tentang manfaat tabung amanah bagi melindungi wang yang diketepikan bagi tanggungan mereka yang berkeperluan khas.

Mereka juga mungkin tidak pasti sama ada hukum faraid mempunyai kesan pada tabung amanah itu sementara ramai pula memilih untuk bergantung pada saudara-mara untuk menguruskan kebajikan peribadi dan soal harta tanggungan mereka yang berkeperluan khas itu.

Cik Tan turut menarik perhatian bahawa sesetengah mereka faham akan manfaat tabung amanah SNTC tetapi tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk menubuhkan tabung amanah itu.

Bagi Cik Zahara Abu Bakar, 45 tahun, yang telah menubuhkan tabung amanah dengan SNTC untuk anaknya yang autistik, sokongan Muis itu amat dialu-alukan dan menunjukkan bahawa badan Islam dan pemerintah di Singapura sangat prihatin dengan nasib keluarga yang memerlukan.

“Harapan saya ialah untuk melihat lebih banyak sokongan diberikan oleh pemerintah kepada keluarga sedemikian secara keseluruhan,” kata ibu dua anak itu.

**Bentuk tabung amanah buat
keperluan anak masa depan**

— Muka 3